

# Naib Presiden: Shahidan ubah fikiran tak bertanding

KANGAR 7 Jan. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, hari ini mengubah pendirian dengan menyatakan kerelaannya tidak bertanding jawatan Naib Presiden UMNO kerana menganggap mengekalkan perpaduan dalam parti lebih penting.

Beliau memutuskan untuk tidak bertanding apabila semakin ramai yang berminat bertanding untuk jawatan itu, lebih-lebih lagi terdapat ramai calon yang dianggapnya lebih layak.

“Saya gurkha sahaja, saya letakkan perpaduan parti di atas semua perkara sedangkan keinginan untuk bertanding adalah sampingan sahaja,” kata beliau pada satu sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Shahidan sebelum ini membayangkan kesediaannya bertanding jawatan Naib Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO Mei ini jika dicalonkan.

## Peluang

Beliau berpendapat, semua pihak harus memikirkan masa depan parti dan bukannya memikirkan peluang yang boleh diperolehi.

Menurutnya, beliau tidak mahu perpaduan parti rosak semata-mata kerana pertandingan itu sehingga kemudiannya tidak mampu lagi membanteras gelora fitnah pembangkang yang dihadapi sekarang.

Ditanya sekiranya terdapat bahagian yang mencalonkannya bertanding, beliau berkata itu bermakna mereka mahukannya terus bertanding untuk jawatan itu.

Shahidan membangkitkan pentingnya soal perpaduan dalam parti dan ia selari dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin bahawa bahagian-bahagian ada hak menentukan calon dua jawatan tertinggi parti walaupun MT telah mengesyorkan ia tidak dipertandingkan.

Beliau tidak mahu mana-mana bahagian UMNO menimbulkan persoalan

■ Lihat muka 4

# Naib Presiden: Shahidan ubah fikiran tak tanding

kepada parti berhubung keputusan Majlis Tertinggi (MT) itu yang mencalonkan Dr. Mahathir sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

Beliau menjelaskan, keputusan M T mengesyorkan dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan bukan arahan, sebaliknya hanya nasihat yang bertujuan mengekalkan perpaduan parti.

“Kalau ada bahagian yang tidak setuju dengan MT, mereka tidak perlu membuat kenyataa yang boleh menggugat perpaduan parti,” katanya.

Menurutnya, bahagian-bahagian bebas membuat pencalonan untuk jawatan berkaitan sekiranya mereka mempunyai fikiran yang berlainan.